

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. IR. DR. GHAZALI OMAR

MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR UTeM

Majlis Pertukaran Dokumen MoU UTeM – 16 INDUSTRI

3 Februari 2022

3.00 Petang

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- a. **Yang Berhormat Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin**
Exco Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Melaka

- b. **Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- c. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

- d. **Yang Berbahagia Prof. Madya Ir. Dr. Mad Nazri bin Othman**
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

- e. **Yang Berbahagia Prof. Madya Mohad Rahimi bin Yusoff**
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Rakan strategik Industri, Pengurusan Tertinggi UTeM, Hadirin dan Hadirat sekalian.

Assalamualaikum WBT, dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurnia dan izinnya, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Pertukaran Dokumen MoU antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bersama 16 Rakan Industri.
2. Pertama sekali, bagi pihak pengurusan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Melaka kerana

sudi meluangkan masa hadir ke majlis pertukaran dokumen MoU ini. Kehadiran Yang Berhormat Datuk amat kami hargai.

3. Di kesempatan ini juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada 16 rakan industri kerana sudi untuk berkolaborasi bersama UTeM menerusi MOU yang telah dimeterai.
4. Untuk makluman YB Datuk, sebelum majlis pertukaran dokumen MoU ini, kami telah menganjurkan sesi libat urus bersama semua rakan industri yang terlibat, bagi mendapatkan input dan kesepakatan berkenaan pelaksanaan Program Work-Based Learning.
5. Alhamdulillah, saya difahamkan sesi libat urus tersebut telah berjalan dengan jayanya, dan mencapai objektif yang ditetapkan sealiran dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi, badan akreditasi –

BEM, MBOT dan MQA, di samping menepati hala tuju UTeM sendiri. Terima kasih kepada semua rakan industri atas penglibatan aktif dan diharapkan perbincangan strategik seumpama ini dapat dilaksanakan secara berkala.

Yang Berhormat, hadirin dan hadirat sekalian,

6. Menerusi MoU yang telah ditandatangani oleh UTeM bersama 16 rakan strategik industri ini, saya yakin kerjasama strategik ini bukan sahaja memberi manfaat terhadap perkembangan akademik dan penyelidikan di UTeM malah dapat mewujudkan sinergi yang memberi impak yang lebih dinamik kepada kedua-dua pihak seperti:

- a. Pelaksanaan pemindahan pengetahuan dan kemahiran untuk upskilling tenaga pengajar fakulti dan warga industri,
- b.

- c. Melaksanakan Sharing session dengan wakil-wakil industri yang berpengalaman kepada para pelajar dan staf,
- d. Bekerjasama menyediakan kepakaran latihan, modul latihan dan kemudahan untuk Pembelajaran Berasaskan Kerja atau WBL.
- e. Guna-sama peralatan serta kemudahan penyelidikan, dan
- f. Sebarang kerjasama lain yang memberikan manfaat melalui inisiatif projek dan pemindahan teknologi secara bersama.

7. Adalah menjadi hasrat utama kami, agar kewujudan UTeM sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu yang terpenting di negara dan negeri ini dapat dirasai dan dimanfaatkan secara bersama oleh masyarakat setempat, untuk kehidupan yang lebih baik dan sejahtera.
8. Insya Allah, menerusi MoU ini, segala usaha murni yang kita laksanakan secara bersama ini, dapat melengkapi dan memperkuuhkan lagi ekosistem akademia – industri dan komuniti di negara ini.
9. Akhir kata, diharapkan kerjasama UTeM bersama 16 rakan industri ini akan berterusan, sehingga ke peringkat MoA, dan aktif menerusi pelaksanaan pelbagai program kolaborasi strategik yang dapat memberi kebaikan kepada kita.

Di atas para tersusun lilin,

Malam disuluh bulan purnama,

MoU dimeterai, kerjasama terjalin,

Menghasil solusi, manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.

جامعة ملaka التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA